

1981
 JITRA, 24 JULAI (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA KEJAYAAN MALAYSIA MENGADAKAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA TELAH MENGHARUMKAN NAMA NEGARA INI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA MUSABAQAH ITU JUGA TELAH MENGENALKAN NEGARA INI SEBAGAI DARUL QURAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS BERBUKA PUASA DAN NUZUL QURAN DI KAMPUNG GELONG DEKAT SINI.

TAMBAHNYA KEJAYAAN CEMERLANG QUARIAH MALAYSIA HAJJAH SEPINAH BINTI MAMAT TELAH MENDAPAT SANJUNGAN DAN PUJIAN DARI PARA HAKIM LUAR NEGERI DAN INI MELAMBANGKAN KETINGGIAN MUTU BACAAN QURAN DI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU RAKYAT SUPAYA MEMPERTAHANKAN KEADAAN YANG TERDAPAT DI MALAYSIA IAITU SUASANA AMAN DAN DAMAI YANG MEMBOLEHKAN RAKYAT MENGALAMKAN AJARAN AGAMA MASING-MASING TANPA GANGGUAN.

TEGASNYA, RAKYAT HARUS MEMPERTAHANAKAN KEBEBASAN YANG ADA DI NEGARA INI DAN MEREKA PERLU MEMPUNYAI KESANGGUPAN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN DENGAN SEDIA BEKERJA KUAT BAGI KEPENTINGAN MASA DEPAN NEGARA. —BERSAMBUNG 2252/MD

MAHATHIR-QURAN 2 JITRA

BELIAU JUGA MENYERU GULONGAN MUDA SUPAYA SANGGUP BEKERJA KUAT DAN MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MEMILIH KERJA YANG MUDA SAHAJA TETAPI SEDIA BEKERJA DALAM SEMUA BIDANG PEKERJAAN.

TAMBAHNYA, MEMANDANGKAN MALAYSIA AKAN MEMPERLUASKAN LAGI BIDANG PERUSAHAAN PERAT, GULONGAN MUDA TERUTAMA BUMIPUTERA HENDAKLAH SANGGUP BEKERJA DALAM PERUSAHAAN ITU KERANA BILANGAN MEREKA MASIH BERKURANG

KATANYA, PEMBANGUNAN NEGARA AKAN MENJADI SIA-SIA JIKA GULONGAN MUDA TIDAK SANGGUP BEKERJA KUAT TETAPI MENGHARAPKAN KEPADA ORANG LAIN SAHAJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU SETIAP RAKYAT YANG CINTAKAN NEGARA SUPAYA SANGGUP BERUSAHA UNTUK MENJAMINKAN KEADAAN AMAN YANG WUJUD DI NEGARA INI BERKEKALKAN. —BERNAMA 2256/MD